

05/04/1998

Sokongan terhakis kerana masalah air

ALKISAHNYA, baru-baru ini Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan bahawa Umno akan kalah dalam pilihan raya jika orang Melayu yang tidak menjadi ahli Umno benci dengan Umno. Tentulah ingatan itu harus ditakrif sebagai amaran yang amat keras. Kemenangan calon Umno/Barisan Nasional dalam pilihan raya bukanlah kerana sokongan ahli Umno sahaja. Ia adalah kerana sokongan hampir 10 juta orang Melayu yang tidak menjadi ahli Umno.

Perdana Menteri memberi ingatan itu kerana kini ada ahli Umno sendiri yang sudah benci dengan parti itu dan jijik melihat perangai dan gelagat pemimpinnya bermain politik.

Itu politik. Kalau Dr Mahathir bimbang Umno akan kalah dalam pilihan raya kerana sikap pemimpin, teman khuatir, Umno dan Barisan Nasional juga boleh kalah pilihan raya jika perkara yang menyentuh kebajikan rakyat seperti soal air tidak ditangani dengan wajar dan berkesan.

Air adalah keperluan asas. Malah ada negara berperang kerananya. Jadi kalau bekalan air sering saja terputus dan ada rakyat yang tidak mendapat bekalan selama tiga bulan, apakah mereka akan menyokong kerajaan dalam pilihan raya?

Ramai warga kota, yang sebelum ini menyokong kuat pemerintah, sudah mula goyah sokongan mereka. Malah ada orang kuat Umno sendiri yang mengakui bahawa kalau diadakan pilihan raya dalam keadaan rakyat sukar mendapatkan air, adalah sukar untuk Barisan Nasional menang.

Sahabat-sahabat teman yang menemui rakyat di sekitar ibu kota mengadu ramai yang marahkan kerajaan. Siapa yang tidak marah kalau nak ambil wuduk pun, tak ada air. Siapa yang tak hilang sabar kalau sekeluarga tak mandi berhari-hari? Malah ramai yang menyatakan kepercayaan mereka terhadap kerajaan mulai terhakis. Ini bahaya!

Begitulah besarnya kesan air kepada manusia. Taat setia kepada kerajaan boleh berubah jika keperluan asas ini tidak diberi perhatian. Kementerian serta jabatan yang berkaitan dengan bekalan air haruslah melihat perkara ini dengan serius.

Kesannya bukan sahaja kepada kementerian atau jabatan, tetapi juga kepada perkara lebih besar. Barangkali kerana itulah Dr Mahathir meminta Datuk Seri Anwar campur tangan dalam soal menangani masalah bekalan air itu.

Kasihannya juga teman kepada Anwar. Nampak gaya, beliau terpaksa selesaikan semua masalah. Daripada yang kecil sampailah kepada yang besar. Terfikir juga teman, kalau semua urusan daripada yang kecil hinggalah kepada yang besar terpaksa diselesaikan oleh Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, apakah peranan menteri-menteri kita dan jabatan-jabatan di bawah kelolaan mereka?

Rasanya, adalah wajar menteri dan jabatan-jabatan di bawah kendalian mereka melihat, mengukur dan menilai semula prestasi mereka. Kalau mahu isu air dijadikan ukuran, tentulah campur tangan Anwar itu menunjukkan kementerian dan jabatan yang berkaitan air tidak cekap.

Sebagai contoh, Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar berkata pihaknya sudah memaklumkan kepada kementerian Kerja Raya berhubung masalah air, lama sebelum masalah sekarang berlaku.

Katanya, tahun lalu, Jabatan Bekalan Air Selangor (JBAS) sudah memaklumkan kepada kerajaan negeri dan kementerian itu berhubung masalah kekurangan air yang akan dihadapi, dan kerajaan negeri sudah pun mengambil tindakan tertentu sebagai persiapan menghadapinya.

"Kalau pihak kementerian tidak memaklumkan kepada kerajaan berhubung masalah air itu lebih awal, itu saya tidak tahu," katanya.

Teman percaya inilah pokok persoalannya. Kalaulah menteri, kementerian dan jabatan mereka itu cekap, tentulah banyak perkara sudah diselesaikan menerusi perancangan yang jitu. Tak payahlah nak peningkatkan kepala Perdana Menteri atau Timbalannya.

(END)